

PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMAT ISLAM DAN APLIKASINYA DI MALAYSIA*

Asmak Ab Rahman**

ABSTRACT

Waqf is a form of charity with special features that has permanence and continuity. The beneficiaries can benefit from the waqf property for years, generations or even centuries. The ownership of waqf is withdrawn from the owner and returned to Allah for the benefit of His subjects to whom the property has been bequeathed. Waqf is a form of worship to Allah and has significant contribution to economic development as it plays an important role as wealth redistribution mechanism. In common tradition, properties given out for waqf purpose are namely mosque, land for Muslim cemeteries, business premises, agriculture lands, religious schools, etc. In the modern times, majority of Muslim scholars accept cash waqf, share of waqf, waqf of shares and takaful waqf as form of waqfs. This article aims to discuss the role of waqf in achieving the hike in economic development focusing on the human welfare among the Malaysian society. Waqf plays a vital role in poverty alleviation, health services, education, orphanage centre, mosques and residences for the needy society.

Keywords: *waqf, economic development, role of waqf*

* Draf awal artikel ini telah dibentangkan di International Conference Islamic Economy and Social Justice: Reinforcing Equity for the Common Well-Being di Indonesia pada 24-27 Julai 2008.

** Senior Lecturer, Department of Shariah and Economics, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, asmak@um.edu.my

PENDAHULUAN

Umat Islam adalah bersaudara dan digambarkan sebagai satu bangunan yang saling sokong-menyokong. Penzahiran persaudaraan itu bukan semata-mata dalam bentuk pertolongan dari segi tenaga atau bantuan lain, malah Islam mengajar umatnya supaya tolong-menolong dan bantu membantu dalam bentuk wang dan harta benda. Bantuan dan pemberian wang dan harta benda ini bukan kerana mahukan sesuatu dari manusia tetapi kerana mahukan keredaan Allah. Oleh itu selain zakat, hibah dan sebagainya, umat Islam akan berkongsi harta kekayaannya dengan orang lain melalui berwakaf.

Wakaf merupakan satu amalan sunat dan digalakkkan serta menjadi wajib dilaksanakan apabila dibuat dengan wasiat. Oleh kerana umat Islam muhu berwakaf kerana mahukan keredaan Allah, maka wakaf merupakan satu mekanisme perkongsian harta kekayaan seseorang dengan orang lain. Dalam ekonomi, wujudnya golongan yang mengagih semula harta kekayaan kepada orang lain, sangat penting kerana ia boleh membantu mencapai pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Artikel ini akan membincangkan konsep berkaitan wakaf, kepentingan agihan semula kekayaan untuk pembangunan ekonomi dan bagaimana wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi negara.

KONSEP WAKAF

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*maṣdar*) dari kata kerja *waqafā*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti (السكن), menegah (المنع) dan menahan (الحبس).¹

Ulama fiqh² sepakat mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa dengan

¹ Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 9. Beirut: Dār Ṣādr, h. 359.

² Al-Khaṭīb al-Syarbinī (1997), *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 485; Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn (t.t.), *al-Majmū‘*, jil. 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 241; Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1997), *Al-Mughnī*, jil. 8. Riyaḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub, h. 184; Sahnun, ‘Abd Al-Salām bin Sa‘īd bin Ḥabīb al-Tanukhi (1994), *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 417; Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1994), *Rad al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*, jil. 6. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 518; Al-Sarakhsī (t.t.), *al-Mabsūt*, jil. 12. Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, h. 27.

al-habs ertinya menahan; kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syarak. Lebih-lebih lagi perkataan *al-habs* itu banyak diucapkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadisnya, antaranya:

حِبْسُ الْأَصْلِ وَسَبِيلُ الشُّمْرَةِ

“Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah”

Wakaf Menurut Istilah Syarak

Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sorīh*) terang, atau (*kināyah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplilikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus.

Dari segi istilah ia bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memberi kebajikan kepada orang lain. Pewakaf juga tidak lagi mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut.³

Manakala Muḥammad ‘Arfah al-Dusūqī pula menjelaskan bahawa wakaf adalah memberikan manfaat sesuatu harta yang dimiliki kepada orang yang berhak dengan satu akad dalam jangka masa tertentu, sesuai dengan kehendak pewakaf.⁴ Menurut Ibn Qudāmah dari ulama Mazhab Ḥanbalī menyatakan bahawa wakaf adalah menahan yang asal dan memberikan hasilnya.⁵

Dalil Disyariatkan Wakaf

Menurut Abū Yūsuf , Muḥammad bin Ḥasan, Aḥmad bin Ḥanbal dan al-Syāfi‘ī, wakaf ialah menahan ‘ayn *mawqūf* (harta) sebagai milik Allah atau pada hukum milik Allah dan menyedekahkan manfaatnya ke arah kebajikan dari mula hingga akhirnya. Firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا أَلْيَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ



³ Al-Khaṭīb al-Syarbinī (1997), *op. cit.*, h. 485.

⁴ Al-Dusūqī, Syams al-Dīn al-Syakh Muḥammad ‘Arfah (1980), *Hasyiyah al-Dusūqī ‘alā Syarḥ al-Kabīr*, j. 4. Qāherah: Dār Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 75.

⁵ Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1972), *al-Mughnī*, j.6, c.4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī, h. 185.

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebijakan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”

(Surah Āli ‘Imrān, 3: 92)

Menurut cerita Anas bin Mālik, bahawa Abū Ṭalḥah adalah seorang Ansar yang paling banyak memiliki kebun kurma di Madinah. Antara kebun kurma yang paling disayangi ialah kebun kurmanya di Bairuha, yang terletak berhadapan dengan masjid. Rasulullah SAW sendiri pernah mengunjunginya dan meminum airnya yang sangat nyaman.⁶

Apabila firman Allah SWT yang tersebut di atas itu diwahyukan kepada Rasulullah SAW, maka Abū Ṭalḥah berkata kepada Rasulullah SAW: “Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT.”⁷

Amalan mewakafkan harta ke jalan yang baik akan diberi oleh Allah SWT ganjaran pahala yang berkekalan dan berpanjangan selama harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan atau tidak musnah. Sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:⁸

إِذَا ماتَ ابْنُ آدَمَ إِنْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلٌ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ
وَلْدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ

“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.”⁹

Ulama telah mentafsirkan perkataan ‘sedekah jariah’ dalam hadis yang tersebut di atas itu dengan maksud wakaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang

⁶ Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997), *op.cit.*, h. 485, al-Nawāwī, Muhyi al-Dīn (t.t.), *al-Majmū‘*, jil. 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 324.

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*, h. 485.

⁹ Al-Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Syarḥ (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muhyi al-Dīn al-Nawāwī*, j. 11, jil. VI, Kitāb al-Wasiyyah, Bāb Mā Yulhaqu al-Insān min al-Thawāb Ba’dā Wafātiḥ, hadith no. 4199. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 817.

lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.¹⁰

Para ulama sepakat menerima wakaf sebagai satu amal jariah yang disyariatkan dalam agama Islam. Tiada siapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam kerana wakaf telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Rasulullah SAW, ahli-ahli ibadat yang suka bersedekah atau membuat amal kebaikan dan ahli-ahli ilmu yang suka mendampingkan dirinya dekat dengan Allah SWT.

Panduan bagaimana harta wakaf perlu diuruskan adalah berdasarkan hadis Ibn ‘Umar¹¹ iaitu:

عن نافع عن ابن عمر قال: أصحاب عمر بخیر أرضنا ، فأتى النبي صلى الله عليه
فقال : أصبت أرضنا لم أصحاب ملاقط أنفس منه، فكيف تأمرني به ؟ قال : إن شئت
حبست أصلها وتصدقت بها. فتصدق عمر أنه لا يباع أصلها ولا يوهب ولا يورث
في القراء والقرباء والرقاب وفي سبيل الله والضييف وابن السبيل ، لا جناح على
من وليها أن يأكل منها بالمعروف أو يطعم صديقا غير متمول فيه.

“Dari Nafi` dari Ibn ‘Umar beliau menyebut bagaimana Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan nak saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.”

Merujuk kepada hadis di atas para fuqaha menetapkan 3 prinsip peraturan wakaf yang perlu direalisasikan dalam suatu pelaksanaan wakaf, iaitu:¹²

¹⁰ Al-Khaṭīb al-Syarbinī (1997), *op. cit.*, h. 485.

¹¹ Ibn Hajar Al-‘Asqalani (2001), *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, jil. 5, Kitāb al-Syurūt, Bāb al-Syurūt fī al-Waqf, no. Hadith 2737; Kitāb al-Waṣayā, Bāb al-Waqf Kaifa Yaktub, hadith no. 2772.

¹² Al-Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī, (t.t.), *Nayl al-Awṭār*, jil. 6. Qāherah: Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādīhi, hh. 24-29.

- a) Harta wakaf tidak boleh dijual
- b) Harta wakaf tidak boleh diberikan (dihibahkan) kepada orang lain
- c) Harta wakaf tidak boleh diwarisi.

Dalam konteks pembangunan ekonomi dan memajukan harta wakaf bagi mencapai hasrat pewakaf, ketiga-tiga prinsip ini harus diambil kira supaya nazir wakaf tidak melanggar peraturan wakaf. Walau bagaimanapun nazir dibenarkan mengambil upah atas pengurusan harta-harta wakaf pada kadar yang bersesuaian dan tidak sampai kepada tahap seolah-olah harta tersebut adalah milik nazir.¹³

Bentuk-Bentuk Perwakafan

Sesuatu perwakafan boleh dibahagikan kepada dua kategori umum, iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am merupakan mana-mana bentuk harta wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebaikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana beneficiari khusus (sama ada terdiri daripada individu ataupun mana-mana organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Perwakafan daripada kategori ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebaikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya, contohnya seorang yang berwakaf tanahnya untuk umat Islam secara umum dan untuk tujuan kebaikan. Pewakaf tidak mensyaratkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan.

Wakaf khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun beneficiari-beneficiari tertentu. Dalam perwakafan khas, seseorang pewakaf akan menetapkan daripada awal lagi kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan manakah wakafnya mesti diaplikasikan. Contohnya pewakaf mewakafkan tanah untuk perkuburan atau mewakafkan tanah untuk orang miskin.

Rukun Wakaf¹⁴

Dalam pelaksanaan wakaf terdapat empat elemen untuk menjadikan wakaf itu sah dan terlaksana iaitu pewakaf, penerima wakaf, harta yang diwakafkan dan lafaz wakaf. Bagi setiap rukun ini terdapat syarat-syarat penting yang perlu dipatuhi untuk menjadikan sesuatu wakaf itu sah dan diterima.

Bagi pewakaf (*Wāqif*), adalah disyaratkan pewakaf mestilah seorang yang

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, hh. 33-63.

merdeka, baligh, berakal serta berkelayakan untuk bersedekah harta miliknya. Pewakaf juga sukarela dan reda mewakafkan harta miliknya.

Benefisiari/Penerima Wakaf (*Mawqūf 'Alayh/ Alayhim*) boleh ditentukan oleh pewakaf sama ada menentukan penerima wakaf yang khusus misalnya seseorang atau lebih daripada seorang. Sekiranya pewakaf mahukan penerima wakaf adalah masyarakat umum, maka pewakaf tidak perlu menetapkan penerima khusus, contohnya mewakafkan kepada golongan tertentu seperti golongan fakir atau umat Islam.

Harta yang diwakafkan (*Mawqūf*) mestilah berbentuk objek yang tertentu seperti mewakafkan sebuah rumah. Adalah disyaratkan juga harta yang hendak diwakafkan hendaklah milik pewakaf serta memberi faedah dan manfaat dan boleh dipindah milik. Untuk menjadikan wakaf sebagai sedekah jariah yang memberi pahala yang berpanjangan kepada pewakaf, ulama mensyaratkan harta yang hendak diwakafkan boleh digunakan selama-lamanya. Seterusnya penggunaan harta wakaf mestilah diharuskan oleh syarak dan tidak digunakan untuk maksiat.

Lafaz yang digunakan dalam perwakafan (*Sighah*) mestilah akad kata-kata yang boleh difahami atau tulisan untuk sesuatu tujuan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas. Akad adalah wajib bagi mengesahkan wakaf. Lafaz akad terbahagi dua bahagian:

- a) Lafaz *Sorīh*; lafaz yang jelas membawa maksud yang tertentu sahaja seperti; “Saya mewakafkan rumah saya untuk orang-orang fakir.”
- b) Lafaz *Kināyah*; lafaz yang membawa banyak maksud seperti; “Hartaku adalah sedekah kepada fakir miskin.”

Harta-Harta Yang Boleh Diwakafkan

Terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan, iaitu harta tak alih (*'aqar* atau *immovables*) dan harta alih (*manqūl* atau *movables*)

Harta tak alih biasanya banyak diwakafkan malah pada amalan tradisi di zaman Rasulullah dan sahabat, banyak harta tak alih yang diwakafkan. Para ulama seperti Ibn Qudamah, Ibn 'Ābidīn dan al-Ramlī pernah mengungkapkan bahawa; “Semasa Rasulullah SAW, tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah.” Oleh itu, mereka bersetuju bahawa wakaf sah dibuat daripada harta-harta tak alih kerana ia bersifat kekal dan ini menepati kriteria terpenting sesuatu perwakafan, iaitu wujudnya elemen kekal pada aset dan manfaat harta yang diwakafkan.

Bagi harta alih pula seperti wang, buku, sejadah dan sebagainya tidak semua ulama berpandangan ianya boleh diwakafkan kerana elemen kekal tidak wujud dalam aset yang diwakafkan. Namun begitu, mengikut jumhur ulama seperti Imam al-Shafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat ianya tidak habis semasa digunakan seperti kereta, peralatan perabot dan sebagainya.

Bagi harta seperti duit, saham dan sebagainya boleh juga diwakafkan dengan cara menukarkannya kepada bentuk harta kekal atau harta tak alih yang lainnya. Penukaran ini boleh dibuat dengan melaburkan item-item berkenaan dalam bentuk-bentuk pelaburan yang dibenarkan dalam Islam. Keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan ini akan digunakan untuk membeli harta tak alih lain yang akan dijadikan wakaf menggantikan aset wakaf asal (harta alih) yang dilaburkan.

Pandangan ini diasaskan kepada pendapat yang dikemukakan oleh fuqaha seperti Muḥammad ‘Abdullah al-Anṣārī, salah seorang daripada sahabat Zufar. Menurut beliau, wang boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (atau diwakafkan). Begitu juga barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang, boleh diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperoleh daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam.¹⁵

Dengan fatwa ini masyarakat Islam di Malaysia dapat berwakaf dengan tunai tanpa rasa ragu-ragu lagi. Perwakafan yang dibuat adalah dalam bentuk pembelian saham-saham wakaf yang diterbitkan oleh Majlis-Majlis Agama Islam Negeri, institusi tertentu dan juga mewakafkan wang dalam bentuk penyertaan pelan takaful wakaf. Wakaf wang ini membolehkan wakaf dapat dibuat dengan lebih meluas di mana semua golongan mampu berwakaf kerana nilai satu saham wakaf adalah serendah RM2.00 sahaja, contohnya di Melaka.

¹⁵ Yayasan Waqaf Malaysia, <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunai-malaysia/>, 20 Mac 2009.

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN WAKAF DI MALAYSIA

Pengurusan dan pentadbiran wakaf diletakkan di bawah Majlis Agama Islam setiap negeri dan Majlis Agama Islam negeri merupakan pemegang tunggal kepada semua harta wakaf di Malaysia. Perkara ini ditetapkan melalui perundangan bagi setiap negeri. Contohnya di Selangor, Seksyen 89, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan ‘Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah.’

Begitu juga di Pulau Pinang, di dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, Seksyen 92. Ia memperuntukkan bahawa MAINPP adalah sebagai pemegang amanah tunggal dan bertanggungjawab membangunkannya untuk manfaat orang Islam.

Seksyen 93 di bawah enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana Majlis hendaklah mengambil inisiatif dan meletak hak dan mendaftar kesemua tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam Seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah.

Di Wilayah Persekutuan pula, dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993, Seksyen 61 dan 62 (1),(2) telah memperuntukkan MAIWP sebagai pemegang amanah tunggal bagi harta-harta wakaf.

Untuk membantu urusan pentadbiran dan pengurusan wakaf, Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Manakala, pelancaran rasmi JAWHAR pula telah disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh YB Dato' Dr. Abdullah bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhan JAWHAR ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara lebih sistematik, tersusun dan berkesan.¹⁶

Setiap negeri mempunyai unit yang khusus menguruskan harta wakaf, membangun, menyelenggarakan serta melabur harta wakaf supaya berkembang dan dapat dimanfaatkan oleh semua umat Islam. Secara khususnya unit bahagian wakaf setiap negeri berfungsi untuk:¹⁷

¹⁶ Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2008), *Laporan Tahunan JAWHAR 2007*. Malaysia: JAWHAR, h. 6.

¹⁷ Majlis Agama Islam Kedah, <http://www.maik.gov.my/bhg.htm>, 30 Mei 2009, Majlis Agama Islam Negeri Perak, http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php?option=com_content&view=article&id=163&Itemid=180, 30 Mei 2009.

- a) Memelihara kebijakan, kedudukan dan ekonomi masyarakat Islam melalui pembangunan tanah-tanah wakaf.
- b) Memastikan harta wakaf ditadbirkan dengan baik supaya masyarakat Islam mendapat faedah dari harta wakaf.
- c) Menyelenggarakan dan mentadbir harta wakaf dengan baik sesuai dengan fungsi Majlis sebagai pemegang amanah kesemua wakaf.
- d) Mengumpul maklumat dan data-data berkenaan harta-harta wakaf dan sumber am.
- e) Mengenal pasti tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan.
- f) Mengadakan kempen untuk menggalakkan masyarakat berwakaf.
- g) Menyelaras rekod hartaanah wakaf.
- h) Mengurus sewaan hartaanah wakaf.
- i) Menerima dan menyelaras hasil-hasil wakaf.
- j) Mengurus permohonan penggunaan hasil wakaf.
- k) Menjalankan siasatan terhadap *mawqūf* yang hendak mewakafkan hartaanah.
- l) Menyusun perancangan pembangunan hartaanah wakaf.
- m) Mengurus proses pengambilan pada peringkat Majlis.
- n) Mengawal aktiviti pencerobohan ke atas hartaanah wakaf.
- o) Menyediakan laporan tahunan dan kemajuan wakaf.

Pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri akan merangka projek-projek pembangunan harta wakaf untuk masyarakat dan dalam masa yang sama perlu memastikan peraturan dan syarat-syarat pewakaf dipatuhi. Oleh itu untuk memastikan harta wakaf dibangunkan mengikut projek yang boleh memberi pulangan ekonomi kepada masyarakat, Majlis Agama Islam Negeri akan mengambil kira pandangan dari Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan serta Jawatankuasa Syariah. Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan berfungsi membuat keputusan dan menentukan bentuk pembangunan tanah-tanah wakaf yang dirasakan sesuai dan berdaya maju. Manakala Jawatankuasa Syariah pula berfungsi menentukan jenis-jenis wakaf dan memutuskan sama ada wakaf-wakaf tersebut boleh dimajukan atau tidak boleh dimajukan mengikut hukum syarak. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan yang pakar dalam bidang berkaitan seperti arkitek, peguam, perancang bandar dan pakar-pakar yang dapat memberi pandangan bagi sesuatu projek yang akan dilaksanakan.

Di Malaysia, dana dan harta wakaf yang ada adalah dalam bentuk masjid dan tanah perkuburan, surau, sekolah dan pondok pendidikan, ladang pertanian,

kebun, dusun dan bendang, hasil sewaan, tanah terbiar, bangunan (kedai, rumah kedai, kediaman), hasil sewaan bangunan, wakaf wang tunai, saham wakaf, wakaf saham, wakaf kaki, wakaf jemba, wakaf korporat, skim/pelan takaful wakaf dan lain-lain harta alih (mesin hemodialisis dll.)¹⁸ Harta-harta wakaf kontemporari yang diperkenalkan seperti wakaf saham, saham wakaf, wakaf tunai dan takaful wakaf merupakan satu bentuk perwakafan yang di luar kebiasaan amalan masyarakat Muslim. Terdapat beberapa negeri yang telah memperkenalkan saham wakaf iaitu Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Pahang¹⁹, Johor dan Yayasan Dakwah Malaysia. Syarikat Takaful Malaysia pula memperkenalkan pelan takaful wakaf pada tahun 1997 yang merupakan satu bentuk wakaf menggunakan wang tunai. Walau bagaimanapun bermula 1 Februari 2009 pelan takaful wakaf ini dihentikan.²⁰

Saham wakaf bermaksud mewujudkan suatu wakaf *musyarak* (berkelompok) melalui sumbangan yang diterima daripada masyarakat ke dalam satu tabung amanah wakaf yang mana akan ditukarkan kepada harta kekal yang dinamakan *badal* atau ganti wang. Penukaran ini dibuat dalam bentuk pembangunan harta tanah, pembangunan tanah wakaf sedia ada dan pelbagai aktiviti pembangunan sosioekonomi yang dirancang dari semasa ke semasa bagi kebijakan dan kepentingan agama Islam kerana Allah SWT, selama-lamanya.

Perwakafan melalui skim saham wakaf ini menunjukkan satu kejayaan kepada umat Islam kerana wang yang dikumpul melalui skim saham wakaf ini membolehkan wang tersebut digunakan untuk pelbagai projek pembangunan ekonomi tanpa ada batasan ataukekangan sebagaimana wakaf dalam bentuk harta tak alih. Wang tersebut ditukarkan kepada harta-harta tak alih dan boleh diagihkan dengan lebih meluas dan tidak terhad kepada tempat tertentu dan sebagainya.

¹⁸ Siti Mashitoh Mahamod (2007), “Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, jil. 15, bil. 2, hh. 61-83.

¹⁹ Portal Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, http://www.muis.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=83&Itemid=80, 30 Mei 2009.

²⁰ Pelan takaful wakaf pernah diperkenalkan oleh Syarikat Takaful Malaysia pada tahun 1997 dan dihentikan mulai 1 Februari 2009, temubual bersama Encik Saifudin Gahnehan, Eksekutif, Jabatan Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad, tingkat 23, Blok Annex, Dataran Kewangan Takaful, 1 Jun 2009, 9.30 pagi.

KEPENTINGAN AGIHAN SEMULA KEKAYAAN UNTUK PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH


Agihan Semula Kekayaan

Agihan semula kekayaan merujuk kepada pengaliran harta dari sebahagian masyarakat kepada masyarakat yang lain sama ada dalam bentuk wang mahupun barang. Agihan semula kekayaan juga boleh dirujuk sebagai membiayai perkhidmatan untuk masyarakat seperti kesihatan dan pendidikan oleh satu golongan masyarakat kepada masyarakat yang lain.

Terdapat tiga ejen agihan semula kekayaan iaitu kerajaan, individu dan institusi tertentu seperti yayasan yang mewakili satu kelompok masyarakat. Bagaimana kekayaan ini diagihkan adalah menggunakan kaedah tertentu seperti cukai²¹, subsidi dan kebajikan.

Dalam konteks ini, Islam telah menyediakan satu mekanisme agihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati bersama oleh masyarakat melalui zakat, hibah, kifarat, korban dan wakaf.²² Artikel ini akan mengupas dengan lebih terperinci bagaimana wakaf berperanan sebagai mekanisme agihan semula kekayaan dalam Islam. Sebagaimana yang telah dibincangkan, individu Islam akan berwakaf kerana ingin *taqarrub* kepada Allah kerana jaminan akan mendapat pahala yang berpanjangan. Oleh itu wakaf sebagai mekanisme agihan semula adalah sangat unik kerana pewakaf tidak perlu dipaksa untuk melakukannya kerana ia dibuat dengan niat mendapat keredaan Allah.

Rajah 1: Agen Agihan Semula Kekayaan dan Kaedah Agihan



²¹ Antara tujuan utama sesebuah negara mengenakan cukai kepada individu, syarikat mahupun harta adalah untuk membiayai pembangunan negara. Lihat Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2009), *Economic Development*. England: Pearson Education Limited, h. 770.

²² Selain cara agihan semula kekayaan di atas, Islam menetapkan ibadah-ibadah lain sebagai kaedah agihan semula kekayaan seperti sedekah sunat, *aqiqah*, *iqtā'*, *ihyā'* *al-mawāt* dan fidyah.

Oleh kerana Syariah memperundangkan kaedah agihan semula kekayaan dalam bentuk pelaksanaan ibadat, motivasi utama seseorang Muslim untuk mengagih semula harta kekayaannya dan berkongsi kekayaannya dengan orang lain adalah kerana mereka menzahirkan keimanan dan dijanjikan pahala. Mereka ingin berkongsi harta kekayaan mereka dengan orang lain supaya orang yang memerlukan dapat merasa keselesaan dan kesejahteraan hidup hasil agihan kekayaan mereka disebabkan oleh iman dan kepercayaan kepada Allah. Motivasi supaya berkongsi kekayaan dengan orang lain ditekankan oleh Allah dan memberi amaran kepada mereka yang bersifat bakhil sebagaimana firman Allah di dalam surah Muhammad (47:38):

هَاتُّمْ هَوَّلَاءِ تُدْعَوْنَ لِتُنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَمِنْكُمْ مَنْ يَبْخَلُ وَمَنْ
يَبْخَلُ فَإِنَّمَا يَبْخَلُ عَنْ نَفْسِهِ وَاللَّهُ أَلْغَى وَأَنْتُمُ الْفُقَرَاءُ وَإِنْ تَتَوَلَّوْا
يَسْتَبِيلُ قَوْمًا غَيْرَكُمْ شُرًّا لَا يَكُونُونَ أَمْثَلَكُمْ ﴿٤٧﴾

“Ingatlah kamu ini adalah orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah. Maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil maka sesungguhnya dia hanyalah berlaku bakhil terhadap dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepada-Nya pada segala hal). Jika kamu berpaling (daripada beriman, bertakwa dan menafkah), Dia (Allah) akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.”

Selain itu Allah juga memberi peringatan kepada manusia bahawa sesiapa yang membelanjakan hartanya akan mendapat pahala yang berlipat ganda sebagaimana firman Allah SWT;

مَثُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي
كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْمٌ ﴿٤٨﴾

“Perumpamaan (derma atau nafkah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, adalah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi

seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Baqarah, 2:261)

Falsafah ini adalah berlawanan dengan falsafah Barat. Manusia sebagai individu yang pentingkan diri sendiri sudah tentu sayang kepada harta miliknya, malah mereka terbelenggu dengan sikap tamak kepada harta milik mereka. Apabila manusia mempunyai sikap sayang kepada harta miliknya sudah tentu hatinya tidak ingin memberikan nikmat kekayaannya kepada orang lain.²³

Walau bagaimanapun, sikap pentingkan diri sendiri dan sayangkan diri sendiri ini ditangani oleh Islam dengan memberi jaminan kepada manusia bahawa sekiranya mereka berkongsi kekayaan dengan orang lain, maka mereka akan diberi ganjaran pahala di akhirat. Walaupun balasan kepada perbuatan berkongsi harta dengan orang lain tidak diberi ganjaran dalam bentuk balasan bersifat fizikal namun individu Muslim akan melakukannya kerana mereka mengharapkan pahala untuk diri mereka di akhirat nanti.²⁴ Ini bererti sekiranya mereka tidak ingin berkongsi kekayaan mereka dengan orang lain kerana mementingkan kehendak dan keperluan sendiri di dunia ini, maka di akhirat nanti kepentingan diri mereka tidak akan terbela. Kesimpulan ini boleh dibuat kerana Allah telah menjelaskan bahawa orang yang kedekut dan tidak mempedulikan keperluan saudaranya yang lain akan mendapat balasan neraka sebagaimana dijelaskan oleh Allah SWT:

مَا سَلَكُكُمْ فِي سَقَرَ ﴿١٧﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنْ أَهْلِ الْمُصَلَّيْنَ ﴿١٨﴾ وَلَمْ نَكُ نُطْعَمُ

أَلْمِسْكِينَ ﴿١٩﴾

“Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu mereka berkata apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam neraka saqar. Orang-orang yang bersalah itu menjawab kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang. Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin.”

(Surah al-Muddaththir, 74:42-44)

²³ Huq, Ataul (1993), *Development and Distribution in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hh. 36-38.

²⁴ Chapra, Mohamad Omar (2001), *What Is Islamic Economics?*. Saudi Arabia: Islamic Development Bank, h. 30.

Amaran Allah tentang orang yang mementingkan diri sendiri dan tidak mengambil berat tentang kebijakan saudaranya turut dijelaskan oleh Allah di dalam surah al-Hāqqah (69: 31-34) di mana balasan neraka dijanjikan kepada orang yang mengabaikan tanggungjawabnya membantu memberi makanan kepada orang miskin sebagaimana firman Allah SWT:

ثُمَّ أَجْهِمَ صَلُوْهُ ﴿١﴾ ثُمَّ فِي سِلْسِلَةِ ذَرَعُهَا سَبَعُونَ ذِرَاعًا فَأَسْلَكُوهُ ﴿٢﴾ إِنَّهُ
كَانَ لَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ ﴿٣﴾ وَلَا تَحْصُ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ ﴿٤﴾

“Kemudian bakarlah dia di dalam neraka Jahanam. Selain itu masukkanlah dia dalam lingkaran rantai besi yang ukuran panjangnya tujuh puluh hasta dengan membelitkannya ke badannya. Sesungguhnya dia dahulu tidak beriman kepada Allah Yang Maha Besar. Dan dia juga tidak menggalakkan dirinya dan orang lain memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin.”

Peringatan-peringatan dari al-Quran ini memperjelaskan bahawa di dalam Islam agihan semula kekayaan ini baik dalam bentuk zakat, wakaf, sedekah dan sebagainya merupakan satu tindakan yang perlu dilakukan oleh umat Islam yang mempunyai lebihan kekayaan. Walaupun manusia sangat sayangkan hartanya dan pentingkan kehendak dirinya sendiri tetapi Allah telah memberi peringatan bahawa sekiranya mereka ingkar dan berdegil dengan sikap pentingkan diri sendiri, maka di akhirat nanti mereka akan diberikan balasan azab yang pedih di dalam neraka. Malah bagi individu yang tidak mementingkan diri sendiri dan suka untuk berkongsi kekayaannya dengan orang lain supaya orang lain mendapat kesejahteraan hidup, mereka diberi pujian dan ganjaran oleh Allah sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Baqarah (2:274):

الَّذِيْنَ يُنْفِقُوْنَ أَمْوَالَهُمْ بِالْأَيْلِ وَالنَّهَارِ سِرَّاً وَعَلَانِيَةً فَأَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُوْنَ

“Orang yang menafkahkan harta mereka pada waktu malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada keimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka pula tidak akan berduka cita.”

Sekiranya agihan semula kekayaan dilihat sangat perlu dalam mencapai pembangunan ekonomi, maka jelas dan terbukti bahawa Allah sebagai Pencipta telah menyediakan kaedah agihan semula kekayaan dalam rangka kerja yang sempurna melalui ibadat zakat, wakaf, sedekah dan lain-lainnya, dan motivasi melaksanakan perintah tersebut adalah balasan di akhirat nanti. Secara prinsipnya kejayaan pelaksanaan agihan semula kekayaan di dalam Islam ini sesungguhnya bertunjangkan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah, bukan semata-mata perlakuan rasional manusia. Walaupun begitu, terdapat sarjana Barat yang beranggapan bahawa selain melaksanakan ketakwaan kepada Allah, ada kemungkinan bahawa tokoh pemimpin melakukan wakaf sebagai cara menonjolkan imej yang baik dan bertujuan mendapat sokongan politik.²⁵ Dalam hal ini, sebagai umat Islam kita faham bahawa umat Islam melaksanakan apa yang disuruh oleh agama dan kita tidak perlu mempertikaikan niat di sebalik perlakuannya kerana setiap perbuatan Muslim akan dinilai berdasarkan niatnya.

Pembangunan Ekonomi

Pada peringkat awal, pembangunan ekonomi hanya mengambil kira tentang peningkatan pendapatan per kapita masyarakat tanpa melihat masalah berkaitan kemiskinan, diskriminasi, pengangguran dan agihan kekayaan.²⁶ Menurut Adelman, pembangunan ekonomi berbeza dari pertumbuhan ekonomi di mana secara khususnya pembangunan ekonomi melibatkan beberapa elemen iaitu pertumbuhan diri yang mapan, perubahan struktur dalam pengeluaran, peningkatan teknologi, pemodenan sosial, politik dan institusi serta penambahbaikan kepada kesejahteraan.²⁷ Oleh itu ahli ekonomi berpandangan bahawa hal bersangkutan penghapusan kemiskinan dan agihan semula perlu dititikberatkan dalam pembangunan ekonomi kerana negara yang membangun dari segi fizikal tetapi masih mempunyai rakyat yang berada dalam kemiskinan, tidak menggambarkan pembangunan ekonomi yang sebenar.²⁸

²⁵ Layish, A. (2008), “Waqf of Awlad al-Nas in Aleppo in the Late Mamluk Period as Reflected in a Family Archive”, *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 51, hh. 287-326.

²⁶ Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2009), *op.cit.*, h. 770.


²⁷ Adelman, I., *Fifty Years of Economic Development: What Have we Learned?*.

²⁸ Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2009), *op. cit.*, h. 15.

Menurut Goulet,²⁹ terdapat tiga nilai asas dalam pembangunan ekonomi iaitu keperluan asas, harga diri dan kebebasan. Keperluan asas yang diperlukan adalah merangkumi makanan, tempat tinggal, kesihatan dan perlindungan.³⁰ Komponen yang sangat penting bagi pembangunan ialah keperluan asas di mana ianya termasuklah makanan, kesihatan, perlindungan dan tempat tinggal. Sekiranya keperluan-keperluan asas ini tidak dapat dipenuhi maka akan berlaku kemiskinan di kalangan rakyat. Oleh itu bagaimana untuk memastikan bahawa semua lapisan masyarakat mempunyai dan memperoleh keperluan asas ini?³¹

Bagi golongan yang kaya dan mampu, mereka tiada masalah untuk memperoleh makanan, tempat tinggal serta mendapat rawatan kesihatan yang baik apabila sakit dan sebagainya. Bagi golongan yang tidak mampu dan miskin, bagaimana mereka boleh memperoleh semua keperluan tersebut? Apabila mereka tidak memperoleh keperluan asas ini, bukan setakat mereka sahaja yang mendapat keperitan hidup, malah ia juga memberi kesan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Rajah 2: Komponen Asas Pembangunan Ekonomi



²⁹ Dipetik dari *ibid.*, h. 20.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Perbincangan yang menonjolkan pembangunan ekonomi perlu menitikberatkan kesejahteraan manusia diketengahkan oleh Sen. Lihat *ibid*, hh. 16-19.

Oleh kerana pembangunan ekonomi perlu mengambil kira tentang hal berkaitan ‘kemanusiaan’, Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) juga turut memfokuskan pembangunan yang mengambil kira pembangunan manusia dan tidak mengukur pembangunan daripada pertumbuhan ekonomi dan teknologi semata-mata. Manusia yang membangun ingin memiliki kehidupan yang lebih panjang dan sihat, menjadi terpelajar dan mudah memperoleh sumber-sumber yang boleh membawa kepada satu kehidupan yang selesa. Ini bermakna, pembangunan manusia mempunyai dua bahagian, iaitu pembentukan keupayaan manusia melalui pemberian kesihatan, pendidikan dan latihan serta bagaimana individu menggunakan kemampuan yang dimiliki untuk tujuan-tujuan yang produktif, keselesaan (riadah) atau melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial, politik dan kebudayaan.³²

UNDP telah memperkenalkan satu kaedah untuk mengukur pembangunan ekonomi dari aspek kemanusiaan yang dipanggil Angka Tunjuk Pembangunan Manusia (HDI) yang melihat kepada tiga pemboleh ubah iaitu kehidupan yang panjang (jangka hayat), berpengetahuan (celik huruf) dan satu tingkat pendapatan yang mencukupi untuk memenuhi satu keperluan di atas tahap kemiskinan.³³ Individu yang miskin mengikut penilaian Bank Dunia adalah individu yang tidak mampu untuk memperoleh kadar keperluan minimum untuk menjalani kehidupan yang mencapai tahap standard yang sepatutnya.³⁴ Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa Angka Tunjuk Pembangunan Manusia (*Human Development Index*) negara Malaysia pada tahun 2006 ialah 0.823 dan Malaysia berada pada tangga ke 63 daripada 179 buah negara.

Oleh kerana kualiti hidup rakyat sesebuah negara merupakan petunjuk yang sangat penting bagi mengukur pembangunan, maka perancangan pembangunan perlu juga mengambil kira aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat sesebuah negara.

³² Ab Razak Dan (2004), “Kajian Ekonomi Pembangunan”, dalam Nor Aini Haji Idris & Ab Razak Dan (eds.), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 24-25.

³³ United Nations Development Programme (UNDP) (1990), *Human Development Report 1990*. Oxford: Oxford University Press, h. 12.

³⁴ The World Bank (1990), *World Development Report 1990*. Oxford: Oxford University Press for The World Bank, h. 39.

Jadual 1: Angka Tunjuk Pembangunan Manusia Negara Malaysia
Berbanding Negara-Negara Terpilih

	Indeks Pembangunan Manusia		Jangka hayat sewaktu lahir	Kadar Celik Huruf Dewasa (%) berumur 15 tahun (dan ke atas)	Combined Gross enrolment ratio education (%)	GDP per capita (PPP US\$)	Indeks Jangka Hayat		Indeks Pendidikan	GDP index	GDP per capita rank minus HDI rank ^b
	Nilai	(tahun)					2006	2006	2006		
Kedudukan Indeks Pembangunan Manusia		2006	2006	1999-2006	2006	2006	2006	2006	2006	2006	2006
Pembangunan Manusia Tinggi											
1	Iceland	0.968	81.6	..	96.0	35,814	0.944	0.980	0.982	13	
2	Norway	0.968	79.9	..	98.6	51,862	0.916	0.989	1.000	1	
15	United States	0.950	78.0	..	92.4	43,968	0.884	0.968	1.000	-7	
27	Brunei Darussalam	0.919	76.9	94.6	78.5	49,898	0.865	0.892	1.000	-23	
28	Singapore	0.918	79.7	94.2	64.4	47,426	0.911	0.843	1.000	-22	
63	Malaysia	0.823	73.9	91.5	71.5	12,536	0.815	0.848	0.806	-5	
Pembangunan Manusia Sederhana											
81	Thailand	0.786	70.0	93.9	78.0	7,613	0.750	0.886	0.723	-1	
109	Indonesia	0.726	70.1	91.0	68.2	3,455	0.752	0.834	0.591	12	
147	Bangladesh	0.524	63.5	52.5	52.1	1,155	0.641	0.524	0.408	7	
Pembangunan Manusia Rendah											
154	Nigeria	0.499	46.6	71.0	52.5	1,852	0.360	0.648	0.487	-14	
156	Uganda	0.493	50.5	72.6	62.3	888	0.424	0.692	0.365	7	
179	Sierra Leone	0.329	42.1	37.1	44.6	630	0.285	0.396	0.307	-6	

Sumber: http://hdrstats.undp.org/en/2008/countries/country_fact_sheets/cty_fs_MYS.html, 20 Ogos 2009.

Sumber manusia dilihat sebagai komponen penting kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Peranan sumber manusia dalam proses pertumbuhan dan pembangunan dapat dilihat dari dua aspek. Aspek pertama adalah melihat kepada bentuk kuantiti di mana sumber manusia dapat menyediakan sumber tenaga kerja kepada pasaran buruh atau organisasi pengeluaran. Aspek yang kedua ialah dari sudut kualiti yang mana sumber manusia dapat menyediakan kemahiran untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran. Sumber manusia yang berkualiti dan cekap boleh dicapai melalui proses pembangunan sumber manusia itu sendiri dengan cara menyediakan pendidikan, latihan, kesihatan dan migrasi.³⁵

Oleh itu tidak dapat dinafikan lagi bahawa dalam pembangunan ekonomi, aspek kesejahteraan manusia ini perlu diambil berat. Jika ahli ekonomi konvensional³⁶ berpandangan bahawa untuk pembangunan modal insan ini perlu kepada pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan sebagai satu pelaburan ke arah penyediaan modal insan untuk pembangunan ekonomi, konsep ini turut sama disokong oleh ahli ekonomi Islam.³⁷ Malah ahli ekonomi Islam berpandangan bahawa pembangunan ekonomi memerlukan keseimbangan dari segi kebendaan dan bukan kebendaan serta perlu mengambil kira aspek untuk mencapai pembangunan dunia dan ukhrawi. Oleh itu Islam tidak melarang manusia berusaha memperoleh pembangunan ekonomi dalam bentuk material dan dalam masa yang sama perlu mengambil kira pembangunan untuk mencapai *maqāṣid al-syari‘ah*.³⁸

Untuk mencapai keseimbangan di dunia dan akhirat, Islam bukan setakat melihat kepada penghapusan kemiskinan, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan pendidikan, tetapi perlu juga mengambil kira aspek kerohanian insan. Rohani manusia juga perlu dibangunkan kerana ia merupakan nadi penggerak dalaman manusia ke arah kebaikan. Kerohanian ini dapat dibangunkan dengan rasa keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan Maha Pencipta yang memberi

³⁵ Rahmah Ismail (2003), “Sumber Manusia dan Pembangunan: Satu Sorotan”, dalam Rahmah Ismail (ed.), *Ekonomi Pembangunan Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hh. 13-14.

³⁶ Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2009), *op. cit.*, h. 388.

³⁷ Iqbal, Munawar (1991), “Financing Economic Development”, dalam Sadeq, AbulHasan Muhammad *et al.* (eds.), *Development and Finance in Islam*. Petaling Jaya: International Islamic University Press, h. 102.

³⁸ Chapra, Muhammad Umer (1993), *Islam and Economic Development*. Pakistan: The International Institute of Islamic Thought and Islamic Research Institute, hh. 6-7.

rezeki dan memberi balasan serta tempat memohon pertolongan.³⁹ Islam melihat bahawa kemiskinan bukan setakat kemiskinan harta semata-mata tetapi miskin jiwa dan rohani adalah keadaan kemiskinan yang paling teruk kerana ia membawa kepada kekufturan kepada Allah.⁴⁰

PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI UMAT ISLAM

Sejarah membuktikan bahawa wakaf memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Wakaf telah menjadi alat agihan semula kekayaan bagi mencapai pembangunan ekonomi dalam konteks yang menyeluruh. Ini kerana wakaf telah memainkan peranan untuk menyediakan pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadat serta menyediakan kemudahan jalan raya, jambatan dan sebagainya.⁴¹

Jika ditinjau pada zaman Rasulullah SAW, Uthman bin `Affan telah mewakafkan telaga al-Raumah yang menjadi sumber bekalan air utama untuk umat Islam ketika itu. Air merupakan kemudahan asas yang diperlukan untuk kehidupan.

Menurut Cizakca, wakaf wang yang dilaksanakan semasa zaman Kerajaan Uthmaniyyah pula banyak membantu dalam menyediakan pelbagai aktiviti pembangunan ekonomi masyarakat seperti kemudahan pendidikan, kesihatan, kebijakan dan lain-lain aktiviti yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat.⁴² Wakaf wang dilaksanakan dengan cara wang yang diwakafkan tersebut dilaburkan dan hasil keuntungan dibelanjakan untuk benefisiari wakaf. Ini bermakna modal asal wang wakaf kekal dan tidak berkurangan.⁴³

Malah amalan yang dilaksanakan semasa Kerajaan Uthmaniyyah ini sangat menarik untuk diketengahkan. Contohnya Cizakca menjelaskan satu sampel wakaf wang yang dibuat oleh El-Hac Sulayman El-Hac, di mana

³⁹ Sadeq, AbulHasan Muhammad (1990), *Economic Development in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M), Sdn. Bhd., hh. 1-12.

⁴⁰ Huq, Ataul (1993), *op. cit.*, h. 5.

⁴¹ Sadeq, AbulHasan Muhammad (2002), “Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 29, No.1/ 2, hh. 135-151.

⁴² Cizakca, Murat (1995), “Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823,” *Journal of the Economic and Social History of the Orient*. Leiden: E.J.Brill, v.38, part 3 (August 1995), h. 313.

⁴³ *Ibid.*, hh. 315-316.

beliau mewakafkan sebanyak 70,000 dirham perak yang dibuat pada tahun 1513. El-Hac mewakafkan sebanyak 30,000 dirham untuk digunakan bagi pembinaan sekolah dan baki sebanyak 40,000 dirham dijadikan modal untuk dilaburkan iaitu dengan cara dipinjamkan kepada pihak yang berminat dengan pulangan keuntungan sebanyak 10 peratus setahun atas kontrak murabahah. Hasil keuntungan yang diperoleh dibelanjakan untuk perkara yang ditetapkan iaitu:⁴⁴

- a) 3 dirham gaji guru sekolah
- b) 1 dirham kepada pembantunya
- c) 1 dirham kepada orang yang membaca al-Quran
- d) 2 dirham kepada nazir wakaf.

Hasil kajian beliau mendapati bahawa kebanyakan hasil keuntungan dari wakaf wang semasa Kerajaan Uthmaniyyah digunakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan pentadbiran wakaf, pendidikan, makanan, keluarga pewakaf, institusi keadilan, perbelanjaan untuk penyelenggaraan harta wakaf, masjid, sewa, keagamaan, sosial, cukai dan nazir wakaf.⁴⁵

Pada masa ini peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi dapat dilihat di seluruh dunia. Contohnya di Singapura 170,000 pekerja Islam membuat caruman sebanyak \$2-\$11.50 sebulan menggunakan mekanisme CPF (Tabung Simpanan Pekerja) dan berjaya mengumpul sebanyak \$6 juta setiap tahun. Selain wakaf wang, terdapat 100 wakaf berdaftar di Singapura. Hasil dari perolehan harta wakaf diagihkan untuk masjid, madrasah, kebajikan, pengebumian, orang miskin dan lain-lain.⁴⁶

Di UK, pertubuhan Islamic Relief telah memperkenalkan beberapa bentuk wakaf untuk membantu umat Islam di seluruh dunia iaitu wakaf air dan sanitasi, wakaf korban, wakaf kesihatan, wakaf pendidikan, wakaf anak yatim, wakaf bantuan kecemasan, wakaf pendapatan bergenerasi dan wakaf dana masa hadapan. Antara pihak yang mendapat manfaat dari pelbagai projek wakaf ini ialah kanak-kanak Palestin, mangsa perang di Bosnia, rakyat miskin di Bangladesh, Mali, Sudan dan seumpamanya.⁴⁷

⁴⁴ *Ibid.*, h. 332.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 338-346.

⁴⁶ Shamsiah Abdul Karim (2006), “Pengalaman Majlis Agama Islam Singapura Dalam Pengurusan Harta Wakaf” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12–14 September 2006), lihat juga <http://www.muis.gov.sg/cms/uploadedFiles/MuisGovSG/Wakaf/Wakaf%20jadi%20aset%20terbesar%20Muis.pdf>.

⁴⁷ <http://www.islamic-relief.com/Waqf/default.aspx?depID=17>, 20 Ogos 2009.

Di Kuwait pula, telah ditubuhkan Yayasan Wakaf Am Kuwait atau Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) pada tahun 1993 yang mempunyai tujuan khusus untuk wakaf dan pembangunan projek-projek wakaf untuk masyarakat. Projek-projek yang dijalankan oleh KAPF telah memberi faedah yang berkesan kepada masyarakat. Antara projek yang dijalankan ialah memberi bantuan kewangan kepada pelajar miskin dan memberi bantuan kepada Pusat Autistik Kuwait. Aktiviti-aktiviti amal lain yang dilakukan oleh KAPF yang mematuhi syarat-syarat *wāqif* ialah penyediaan minuman percuma di tempat awam, memberi bantuan makanan kepada orang susah, memberi bantuan pakaian kepada keluarga yang susah, menyediakan makanan di bulan Ramadan untuk keluarga yang susah dan memerlukan dan lain-lain lagi.⁴⁸

PERANAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI DAN APLIKASINYA DI MALAYSIA

Harta wakaf dibangunkan dengan pelbagai projek yang boleh mendatangkan manfaat ekonomi kepada umat Islam secara langsung maupun tidak langsung. Hasil sewaan bangunan wakaf dan lain-lain projek wakaf akan diagihkan untuk kebajikan dan kepentingan umat Islam. Contohnya, seperti memberi bantuan kepada orang yang berada dalam asnaf-asnaf zakat; bantuan kerana pembinaan, pengurusan dan mengimarahkan masjid, surau, madrasah, klinik, hospital dan lain-lain; bantuan kepada orang yang ditimpa bencana alam, kemalangan, rawatan perubatan, anak-anak yatim, orang yang dalam tahanan; bantuan pendidikan, meningkatkan syiar Islam dan bantuan untuk membangunkan negara dan lain-lain yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan umat Islam.⁴⁹

Projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia adalah menggunakan harta wakaf itu sendiri, hasil pulangan dari harta wakaf atau dari kumpulan wang dana saham wakaf. Projek-projek tersebut memberi kesan kepada pembangunan ekonomi secara langsung maupun tidak langsung kepada masyarakat Islam.

⁴⁸ Abdul Halim Ramli & Kamarulzaman Sulaiman (2006), “Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

⁴⁹ Sebagaimana dilaksanakan oleh negeri Johor dan Syarikat Takaful Malaysia. Lihat Nooh Gadot (2006), “Amalan Saham Wakaf Johor” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006); Mohd Fauzi Mustaffa (2006), “Peranan Takaful dalam Penjanaan Wakaf Tunai Sebagai Produk Baru Wakaf” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

Berdasarkan analisa terhadap amalan wakaf yang dilaksanakan semenjak awal Islam serta pelaksanaannya di Malaysia, dapat dirumuskan bahawa wakaf dapat berperanan dalam pembangunan ekonomi dalam menyediakan keperluan masyarakat Islam.

Peranan Wakaf dalam Penyediaan Pendidikan

Peranan yang dimainkan oleh institusi wakaf dalam menyediakan pendidikan sememangnya amat banyak. Pendidikan adalah penting bagi pembangunan sumber manusia. Malah ahli ekonomi telah membuktikan bahawa pendidikan adalah faktor penting dalam mencapai pertumbuhan ekonomi selepas Perang Dunia II. Pendidikan penting untuk mengembangkan pengetahuan masyarakat dan seterusnya mempengaruhi proses pembangunan negara.⁵⁰ Dalam laporan oleh Bank Dunia menjelaskan bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang kuat dengan pertumbuhan ekonomi. Di negara-negara sedang membangun misalnya, didapati bahawa di Afrika bagi petani yang pernah mendapat pendidikan walaupun pendidikan peringkat rendah selama empat tahun mampu menghasilkan hasil pertanian yang tinggi berbanding petani yang tidak pernah ke sekolah.⁵¹

Selain itu dengan adanya pendidikan, ia akan membantu seseorang dalam meraih pekerjaan dan membolehkan mereka memilih untuk mengusahakan pekerjaan yang mendatangkan keuntungan. Contohnya mereka boleh mengusahakan perniagaan dalam bentuk yang moden dan bukan sekadar mengusahakan kerja-kerja kraf tangan.⁵² Malah dalam proses pemilihan pekerja, majikan akan lebih cenderung untuk memilih pekerja yang mempunyai pendidikan yang tinggi berbanding pekerja yang mempunyai pendidikan yang rendah.⁵³

Oleh kerana pentingnya pendidikan dalam proses pembangunan dan pertumbuhan ekonomi, UNDP telah membentuk indeks pembangunan manusia yang telah menetapkan penunjuk celik huruf sebagai satu petanda bahawa sesuatu masyarakat itu membangun. Kadar membaca yang tinggi di

⁵⁰ Rahmah Ismail (2003), “Pendidikan dan Pembangunan”, dalam Rahmah Ismail (ed.), *Ekonomi Pembangunan Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 94.

⁵¹ The World Bank (1990), *World Development Report 1990*. Oxford: Oxford University Press for The World Bank, h. 80.

⁵² *Ibid.*, h. 81.

⁵³ Todaro, M.P. dan Smith, S. C. (2009), *op. cit.*, h. 388.

dalam sesebuah negara bererti negara tersebut telah mencapai sebahagian daripada pembangunan manusia. Apabila pembangunan manusia tercapai, ini bererti negara tersebut adalah negara yang membangun.

Di Malaysia, berdasarkan fakta yang ada, sumbangan wakaf dalam menyediakan pendidikan kepada umat Islam amat banyak sekali. Institusi wakaf pendidikan di Malaysia bermula dengan institusi pengajian pondok, diikuti sistem pengajian madrasah atau sekolah aliran Arab dan seterusnya setelah merdeka kerajaan mengambil alih institusi pendidikan wakaf ini untuk diurus mengikut persekolahan aliran perdana. Kajian oleh Ahmad Zaki Hj Abd Latiff *et al* mendapati bahawa pada masa kini institusi pendidikan wakaf di Malaysia adalah terdiri daripada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), madrasah dan pondok. Sehingga tahun 2005 dianggarkan terdapat sebanyak 174 buah institusi wakaf pendidikan di Malaysia.⁵⁴

Di Selangor, pembangunan Sekolah Rendah Agama di Pulau Indah dengan menggunakan sebahagian daripada dana saham wakaf sebanyak RM 2 juta. Begitu juga dengan Pusat Maklumat Komuniti Siber, MAIS, diWisma MAIS Seksyen 3, berjumlah RM 350 ribu, serta cadangan projek pembinaan perpustakaan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor berjumlah RM 13.3 juta.⁵⁵

Peranan Wakaf dalam Menyediakan Keperluan Perumahan

Wakaf juga telah memainkan peranan dalam menyediakan keperluan asas iaitu tempat tinggal. Tanah-tanah wakaf juga dibangunkan dengan projek perumahan yang disewakan kepada masyarakat Islam dengan harga yang rendah khususnya disewakan kepada golongan yang miskin. Di Melaka misalnya, Projek Rumah Pangsa Al-Ehsan bernilai RM 2.27 juta telah dibangunkan atas Lot.82 Tengkera, kawasan bandar daerah Melaka Tengah. Projek ini dibiayai oleh Tabung Amanah Saham Wakaf dan lebihan wang zakat. Bangunan yang dibina terdiri dari 40 unit kediaman dan 14 unit kedai. Tujuan pembinaannya adalah untuk disewakan kepada golongan miskin dan

⁵⁴ Ahmad Zaki Hj Abd Latiff, Che Zuina Binti Ismail & Norzaidi Bin Mohd Daud (2006), “Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam Di Malaysia” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).

⁵⁵ <http://www.mais.gov.my/e-pemasaran/wakaf/projek-wakaf.asp>, 20 Ogos 2009.

ibu tunggal. Pelaksanaan projek ini dapat membantu meningkatkan kehidupan keluarga miskin menduduki rumah yang lebih selesa dengan bayaran sewa yang rendah.⁵⁶

Di Pulau Pinang beberapa projek pembangunan tanah wakaf untuk didirikan perumahan telah dilaksanakan dan ada juga masih dalam perancangan seperti memanfaatkan tanah wakaf Khan Mohamad, dengan cadangan pembangunan 32 unit rumah pangsa kos sederhana (700 k.p) di atas tanah wakaf Khan Mohamed Lot 303 dan 304, Jalan Perak. Begitu juga projek penyediaan perumahan akan dibangunkan di atas tanah wakaf Masjid Sungai Nibong yang akan didirikan dengan satu blok pangsapuri kos sederhana rendah setinggi 24 tingkat yang mengandungi 152 unit di atas tanah Lot 1093 dan 1094, Mukim 12, daerah barat daya Pulau Pinang. Keluasan unit pangsapuri dianggarkan 700 kaki persegi hingga 740 kaki persegi. Manakala tanah wakaf Majis Alimsah Waley, Lebuh Chulia pula dibangunkan dengan 56 unit premis kediaman.⁵⁷

Peranan Wakaf dalam Menyediakan Kemudahan Kesihatan

Sebagaimana yang telah dibincangkan, kesihatan adalah satu petunjuk kepada pembangunan ekonomi maka kemudahan untuk mendapat perkhidmatan kesihatan oleh rakyat amat penting. Dalam konteks ini, walaupun di Malaysia terdapat hospital dan klinik yang disediakan oleh kerajaan dan swasta, institusi wakaf dilihat turut berperanan dalam menyediakan kesihatan dengan kos yang murah kepada masyarakat.

Di Johor sebagai contohnya, Johor Corporation menerusi Masjid An-Nur Kotaraya dan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), telah menubuhkan Klinik Waqaf An-Nur, iaitu sebuah pusat kesihatan yang berasaskan konsep wakaf. Johor Corporation telah mewakafkan Lot 85,86 dan 87 tingkat 3 Plaza Kotaraya bersebelahan Masjid An-Nur Johor Bahru sebagai tapak klinik dengan kos pembangunan keseluruhan sebanyak RM 425,160.20.⁵⁸

Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur ini terdapat sebanyak 8 buah rangkaian yang mana empat buah klinik tersebut terdapat di Johor, sebuah di Negeri Sembilan, 2 buah di Selangor dan sebuah di Sarawak. Di samping itu terdapat

⁵⁶ Pejabat Audit Negara Malaysia, *Laporan Ketua Audit Negara Negeri Melaka Tahun 2002*, h. 160.

⁵⁷ <http://www.mainpp.gov.my/artikel/projekmainpp.htm>, 20 Ogos 2009.

⁵⁸ <http://www.jcorp.com.my/waqafannur/page.htm>, 20 Ogos 2009.

sebuah Hospital Waqaf An-Nur yang beroperasi di Johor. Kesemua rangkaian Klinik Waqaf An-Nur ini turut menyediakan perkhidmatan dialisis dengan kadar subsidi.⁵⁹

Kumpulan Wakaf An-Nur Berhad ini juga telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK), untuk membuka sebuah klinik wakaf di Kelantan bertempat di perkaranan Masjid Kampung Sireh. Klinik wakaf ini bertujuan menyalurkan perkhidmatan perubatan kepada pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan tanpa mengira agama pada harga paling minimum.⁶⁰ Ini bermakna wakaf berperanan menjamin kesejahteraan umat tanpa mengira agama dan bangsa kerana penerima wakaf tidak disyaratkan khusus kepada umat Islam semata-mata.

Peranan Wakaf dalam Menggerakkan Kegiatan Ekonomi

Wakaf berperanan juga menggerakkan kegiatan ekonomi masyarakat melalui penyediaan pusat dan premis perniagaan. Dengan adanya pusat dan premis perniagaan yang dibangunkan hasil dana wakaf atau di atas tanah wakaf, ia menambah potensi untuk melakukan aktiviti ekonomi dalam kalangan masyarakat.

Pembinaan kompleks dan bangunan perniagaan di atas tanah wakaf atau menggunakan dana dari saham wakaf telah dilaksanakan di beberapa negeri seperti di Kedah, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang. Di Selangor, premis wakaf 5 unit telah dibeli di Bandar Bukit Puchong menggunakan sumber dari Dana Saham Wakaf Selangor berjumlah RM 1.05 juta.⁶¹ Premis perniagaan ini disewakan dan ianya memberi pulangan pendapatan kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk dimasukkan ke dalam pendapatan hasil wakaf.

Manakala di Johor, hasil dari kutipan saham wakaf digunakan untuk membina sebuah bangunan setinggi enam tingkat di Batu 6½ Tampoi dengan kos RM 4.99 juta yang dimanfaatkan sebagai Pusat Latihan dan

⁵⁹ http://74.125.153.132/search?q=cache:yp3ahFVPrC8J:202.75.54.218/~jcorp/Publication/File/kenyataan_media.pdf+klinik+waqaf+an+nur+negeri+sembilan&cd=7&hl=en&ct=clnk&gl=my, 20 Ogos 2009.

⁶⁰ http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=424814, akses 20 Ogos 2009.

⁶¹ Majlis Agama Islam Selangor, “Laporan Tahunan 2006”, h. 44, http://202.75.48.108/~portalma/index.php?option=com_docman&Itemid=23, 2 Jun 2009.

Dakwah Saudara Baru dan ruang niaga yang disewakan kepada mereka yang berminat.⁶² Malah hasil dari perolehan sewaan bangunan ini digunakan pula untuk penyelenggaraan bangunan yang berkaitan serta untuk kebajikan am seperti pembelian sebuah van. Selain itu ia juga dimanfaatkan untuk pembinaan empat masjid dan madrasah di Kemboja serta pembelian pakaian sembahyang orang miskin di Kemboja.⁶³

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pula telah membangunkan sebidang tanah wakaf Lot CT 10181, Lot 168CT 16941 dan Lot 169 yang terletak di Jalan Perak, Kuala Lumpur bagi pembinaan Menara MAIWP setinggi 34 tingkat. Menara ini yang dijangka siap pada tahun 2011 akan disewakan kepada Bank Islam Malaysia Berhad dan TH Technologies Sdn Bhd selama 25 tahun di mana sepanjang tempoh sewaan itu MAIWP akan mendapat pulangan sebanyak RM 50 juta. Apabila tamat tempoh sewaan selama 25 tahun, MAIWP akan memperoleh semula menara berkenaan dan pada ketika itu hartanah berkenaan dianggarkan bernilai RM 600 juta.⁶⁴

Dalam konteks peranan wakaf sebagai pemangkin kegiatan ekonomi umat ini, dapat dilihat kejayaan Johor Corporation (JCorp) yang telah menujuhkan Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad (KWANB) yang bertindak mengurus aset dan saham-saham syarikat dalam Johor Corporation yang diwakafkan⁶⁵ kepada KWANB.⁶⁶

KWANB telah menujuhkan sebuah dana yang dinamakan Dana Waqaf Niaga bagi membantu peniaga-peniaga kecil yang berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan pembiayaan bagi memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada. Dana Waqaf Niaga ini berfungsi memberikan bantuan kewangan tanpa faedah secara mikro kredit kepada para peniaga. KWANB telah memperuntukkan dana berjumlah RM100,000 untuk program ini dan seramai 21 orang peniaga telah mendapat manfaat daripada Dana Waqaf Niaga.⁶⁷

⁶² Majlis Agama Islam Johor, <http://www.maij.gov.my/wakaf/swj.htm>, 2 Jun 2009, lihat juga Nooh Gaadot (2006), *op. cit.*

⁶³ <http://www.maij.gov.my/utama.htm>, 18 Ogos 2009.

⁶⁴ http://www.maiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=374:maiwp-dapat-anugerah-pembangunan-hartanah-wakaf-terbaik&catid=13:berita-maiwp&Itemid=28, 18 Ogos 2009

⁶⁵ Antara anak syarikat yang diwakafkan oleh JCorp kepada KWANB ialah Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad dan 75 peratus saham Johor Corporation dalam Capaian Aspirasi Sdn Bhd (CASB). Lihat Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad, *Laporan Tahunan 2007*, h. 12.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*

Peranan Wakaf dalam Menyediakan Tempat Peribadatan

Masjid dan madrasah merupakan tempat di mana aktiviti ibadat, menuntut ilmu serta pengisian rohani dapat dilakukan. Dengan adanya masyarakat yang mewakafkan tanah atau wang untuk pembinaan masjid, maka secara langsung umat Islam dapat beribadat dan membangunkan rohani mereka. Pembangunan ekonomi mengambil kira kesejahteraan hidup dan kualiti hidup manusia. Kesejahteraan jiwa dan ketenangan hati adalah diperoleh melalui hubungan erat manusia dan Pencipta. Di Malaysia terdapat banyak masjid yang diwakafkan.

Di Selangor, Masjid Tengku Kelana Jaya Petra, Taman Bandaran Kelana Jaya telah dibina melalui Dana Saham Wakaf Selangor sepenuhnya berjumlah RM 8 juta. Masjid An-Nur, Kampung Kunci Air Buang, Tanjung Karang telah dibina semula menggunakan sebahagian daripada Saham Wakaf Selangor berjumlah RM 350 ribu.⁶⁸

Di Melaka pula, Projek Balai Cerapan Al-Hilal Tanjung Bidara dengan keluasan satu ekar dibina di atas tanah wakaf di Tanjung Bidara, Melaka. Pengurusan dan pembinaan Projek Balai Cerapan telah dilaksanakan oleh Pejabat Mufti Negeri Melaka. Kerajaan Negeri telah membiayai projek berkenaan dengan kos berjumlah RM 2.35 juta. Projek tersebut siap dibina pada akhir tahun 2002 dan mula beroperasi pada tahun 2003. Matlamat pembinaannya ialah untuk memudahkan melihat anak bulan dengan menggunakan teknologi terkini. Selain itu, balai tersebut juga digunakan sebagai tempat perbincangan kakitangan Pejabat Mufti.⁶⁹

Manakala Johor turut menyumbang dari segi bantuan pengurusan masjid iaitu dengan memberi bantuan karpet dan pemberian suara serta bantuan lain yang sewajarnya di masjid-masjid dan surau di seluruh negeri Johor dari sumber hasil saham wakaf.⁷⁰

Institut Pendidikan Guru Malaysia di Bangi, Selangor turut menggunakan wakaf sebagai cara menyediakan permaidani di Masjid Imam As-Syafie iaitu dengan memperkenalkan wakaf permaidani solat dan berjaya memasang permaidani di dalam keseluruhan masjid.⁷¹

⁶⁸ <http://www.mais.gov.my/e-pemasaran/wakaf/projek-wakaf.asp>, *op.cit.*

⁶⁹ Pejabat Audit Negara Malaysia, *Laporan Ketua Audit Negara Negeri Melaka Tahun 2002*, h. 161.

⁷⁰ Nooh Gadot (2006), *op. cit.*

⁷¹ http://lib.ipislam.edu.my/text/wakaf_permaidani.htm, 20 Ogos 2009.

Peranan Wakaf dalam Memajukan Sektor Pertanian

Wakaf turut dilihat berperanan menggerakkan sektor pertanian negara. Di Johor, Kerajaan Negeri Johor menerusi kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 1342 / 94 bertarikh 28 September 1994 (wakaf *irshod*) telah mewakafkan tanah seluas 3900 ekar di Mersing. Ladang Wakaf Johor ini dibangunkan menggunakan dana dari saham wakaf dan ia merupakan projek usaha sama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) bagi mengusahakan ladang tersebut dengan tanaman sawit dan dijangkakan akan memperoleh hasil pada tahun 2010.⁷²

Di Terengganu pula, saham wakaf yang dibuat adalah dalam bentuk perwakafan pokok dan ladang kelapa sawit. Pewakaf membeli tanah dan pokok kelapa sawit dan kemudiannya mewakafkan pokok dan tanah tersebut untuk digunakan hasilnya kepada anak-anak yatim yang diuruskan di bawah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA) Terengganu. Hasil dana dari pembelian pokok dan tanah tersebut akan digunakan untuk membayar pinjaman kepada Agro Bank kerana PERKAYA telah meminjam dari institusi perbankan tersebut untuk dijadikan modal penanaman kelapa sawit pada peringkat awalnya. Lebihan dana tersebut akan digunakan untuk perbelanjaan anak-anak yatim, pengurusan PERKAYA dan pengurusan ladang kelapa sawit tersebut.⁷³ Hasil dari Skim Wakaf Ladang Perkaya ini memberi pulangan sebanyak RM1.3 juta setahun. Malah dengan adanya projek wakaf ladang Perkaya ini menjadikan PERKAYA berdikari dalam menguruskan rumah-rumah anak yatimnya di samping sumber yang lain iaitu dari Ladang Sawit Perkaya Sdn. Bhd. (RM1.2 juta setahun), Perkaya Bina Sdn. Bhd., Perkaya Urusniaga Sdn. Bhd., penyewaan Wisma Perkaya serta sumbangan orang ramai (hampir RM30,000 setahun).⁷⁴

⁷² <http://www.maij.gov.my/utama.htm>, *op. cit.*

⁷³ Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), “Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporari Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham” (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 di Balai Ilmu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10 dan 11 Februari 2009).

⁷⁴ Buletin JPPM (2008), Bil. 2/08, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, h. 12.

Peranan Wakaf dalam Menangani Kebajikan Anak Yatim

Islam amat menjaga kebajikan anak yatim kerana keadaan mereka yang ketiadaan bapa akan menyebabkan mereka tidak dapat menjalani kehidupan yang sempurna dan mungkin akan mengakibatkan mereka tidak mendapat pendidikan, makanan, tempat tinggal dan sebagainya.

Peranan wakaf dalam menjaga kebajikan anak yatim boleh dilihat di Johor, di mana saham wakaf yang diperoleh digunakan untuk memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah agama negeri Johor dan rumah anak-anak yatim serta bantuan-bantuan lain kepada mereka yang memerlukan.⁷⁵

Peranan Wakaf dalam Menangani Kemiskinan

Kemiskinan adalah keadaan ekonomi seseorang yang kekurangan keperluan asas yang penting dalam kehidupan termasuk wang, makanan, air, pendidikan dan tempat tinggal. Antara indikator kemiskinan ialah seseorang itu buta huruf, tidak mendapat pendidikan, tiada kemahiran. Menurut Saif Siddiqui, formula Bank Dunia untuk mengurangkan kemiskinan dengan cara meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan bantuan secara langsung kepada golongan yang memerlukan telah terkandung di dalam ajaran Islam sendiri berdasarkan pembiayaan Islam, zakat dan pinjaman tanpa riba atau *qard al-hasan*.⁷⁶

Wakaf dapat menangani kemiskinan dengan pembinaan hospital untuk golongan miskin, pembinaan sekolah, pembinaan universiti, pembinaan pusat-pusat latihan dan kemahiran serta pembinaan perumahan untuk golongan miskin. Oleh itu dengan mewujudkan sekolah, universiti, institusi pengajian tinggi serta pusat latihan dan kemahiran, wakaf akan membantu golongan miskin mendapat pendidikan percuma atau pada kos yang rendah.

Orang yang buta huruf atau tidak mempunyai sebarang kemahiran mempunyai peluang yang rendah untuk memperoleh pekerjaan. Kesannya mereka akan terus berada dalam kemiskinan. Amalan wakaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat, harta yang telah diwakafkan oleh pewakaf iaitu wakaf asrama pelajar, wakaf bangunan, buku, meja dan lain-lain.

⁷⁵ Nooh Gadot (2006), *op. cit.*

⁷⁶ Siddiqui, Saif (2009), *op. cit.*

Seseorang itu juga dianggap miskin sekiranya tidak mendapat akses kepada khidmat kesihatan. Impaknya, disebabkan kemiskinan mereka tidak dapat ke hospital atau mendapat rawatan di klinik-klinik apabila sakit, mengandung dan sebagainya. Kesannya apabila mereka tidak mendapat rawatan yang sepatutnya ketika sakit, kemungkinan sakit akan melarat dan memberi kesan jangka panjang dan jangka pendek. Kesan jangka pendek, mungkin mereka tidak dapat bekerja kerana masalah kesihatan. Kesan jangka panjang, ia akan menjelaskan hidup mereka sepanjang hayat.

Bagi ibu-ibu yang mengandung pula, sekiranya tidak mendapat rawatan sepanjang kehamilan atau selepas bersalin, ia akan memberi kesan kepada bayi dan ibu itu sendiri. Bayi mungkin akan menghadapi risiko kurang *nutrition* dan sebagainya. Dengan adanya hospital atau klinik wakaf, akan membantu golongan miskin mendapat rawatan kesihatan secara percuma atau pada kadar bayaran yang rendah.

Peranan Kerajaan vs Institusi Wakaf di Malaysia

Institusi wakaf dan Kerajaan Malaysia bersama-sama saling berperanan dalam proses pembangunan ekonomi negara. Tanggungjawab penyediaan pendidikan, kesihatan dan penghapusan kemiskinan yang menjadi tanggungjawab kerajaan turut sama dipikul oleh institusi wakaf sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Walau bagaimanapun dengan kekangan kewangan yang ada dalam institusi wakaf di Malaysia, proses pemanfaatan harta-harta wakaf ini turut sama mendapat bantuan kerajaan. Ini kerana Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah pengurus wakaf tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi membangunkan harta-harta wakaf yang telah diwakafkan oleh masyarakat Muslim. Kerajaan telah membantu membangunkan harta-harta wakaf tersebut dengan memberi peruntukan melalui bajet RMK9 bagi membangunkan projek-projek yang telah dikenal pasti seperti mana Jadual 2.

Apabila projek-projek ini disiapkan kelak, ia boleh memberi manfaat yang besar kepada masyarakat. Kerana projek-projek wakaf yang dibina adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan pendidikan, rumah anak yatim, pusat perlindungan, premis perniagaan, pusat kesihatan, hotel dan penyediaan perumahan.

Penubuhan Yayasan Waqaf Malaysia yang giat mengumpul dana wakaf tunai untuk membangunkan tanah wakaf sedia ada, pembelian atau pembangunan aset, pembangunan bangunan seperti sekolah, kedai dan pejabat

serta pembangunan perladangan, ternakan dan perkilangan dilihat sebagai usaha positif ke arah menjayakan lagi peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi ummah pada masa akan datang.⁷⁷

Jadual 2: Projek Pembangunan Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia ke-9

BIL	NAMA PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM) JUTA
1	Pembinaan Unit Kediaman Kod Sederhana Rendah di Atas Lot 30, Kg Makam (Wakaf Haji Kassim), Georgetown, Pulau Pinang	40.0
2	Pembinaan Kompleks Pendidikan Al-Mashoor Lot PT 146 Mukim G, Balik Pulau, Pulau Pinang	37.0
3	Pembinaan Unit Kediaman Kos Sederhana Rendah di Atas Lot 1093 & 1094, Wakaf Masjid Sg Nibong, Pulau Pinang	13.0
4	Pembinaan Ruang Niaga di Atas Lot 85-94, Mukim Ulu Kinta, Tambun, Perak	1.5
5	Pembinaan Asrama Anak Yatim Di Atas Lot 124, Mukim Derga, Kota Star, Kedah	2.0
6	Pembinaan Kompleks Wakaf di Atas Lot PT 45531 Seksyen 9, Kajang, Hulu Langat, Selangor	12.0
7	Pembinaan Hotel Wakaf Majlis Agama Islam Melaka di Atas Lot 2166 & 2167, Tg Kling, Melaka Tengah, Melaka	18.0
8	Pembinaan Hotel Wakaf dan Baitul Hilal di Atas Tanah Wakaf Lot 4506 & 2383, Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan	18.0
9	Pembinaan Pusat Kegiatan Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan	2.0
10	Pembinaan Rumah Perlindungan Wanita di Tanah Wakaf Lot 2537, Johor Bahru, Johor	3.0
11	Pembinaan Kompleks Fakir Miskin Segamat di Atas Lot 1928 & 1929, Segamat, Johor	3.0
12	Pembinaan Ruang Niaga dan Pusat Dialisis di Atas Lot PTD 29739, Batu Pahat, Johor	3.0
13	Pembinaan Hotel Wakaf di Atas Lot 1829 & 262, Tanah Wakaf Masjid Zainal Abidin, Kuala Terengganu, Terengganu	20.0

⁷⁷ <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunai-malaysia/>, 20 Ogos 2009.

BIL	NAMA PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM) JUTA
14	Pembinaan Rumah Anak-Anak Yatim Darul Puteri Di Tanah Wakaf Jalan Raja Dewa, Telipot, Kota Bharu	0.5
15	Pembinaan Hotel Wakaf Di Kota Bharu, Kelantan	5.5
16	Pembinaan Kompleks Islam Kuching di Atas Lot 127, Seksyen 8, Kuching, Sarawak	10.0
17	Entiti Wakaf Kebangsaan Sumbangan Modal	4.5
18	Gerakan Pemantapan Baitumal Kebangsaan	1.5
19	Pembangunan Sistem e-Wakaf & Kajian Perwakafan	0.5
20	Pembinaan Hotel Wakaf di Atas Tanah Lot 2436,2450,2451,2452 & 2453, Daerah Larut & Matang, Taiping, Perak	18.0
21	Pembinaan Rumah Kedai di Atas Lot 685, Mukim Utan Aji, Kangar, Perlis	4.0
22	Penyusunan Semula Masyarakat Di Kawasan Tanah Wakaf Kg Makam, Georgetown, Pulau Pinang	10.0
23	Pembinaan Kedai Pejabat di Atas Lot 319, Mukim Kota Star, Alor Setar, Kedah	10.0
24	Pembinaan Asrama Pelajar-Pelajar Bagi Daerah Besut Di Atas Tanah Wakaf Lot 2654, Mukim Kg Raja, Besut, Terengganu	4.0
JUMLAH		241.0

Sumber: <http://119.110.108.126/ebayanat/>, 3 Jun 2009

KESIMPULAN

Wakaf sebagai satu ibadat yang digalakkan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dalam masa yang sama wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi secara langsung. Wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan cara menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat mendapat kemudahan menerima rawatan kesihatan, pendidikan dan kemahiran, maka dari sudut insani ini bermakna mereka juga telah membangun. Ini kerana apabila mereka sihat dan terdidik serta mempunyai kemahiran, ia membuka peluang untuk meningkatkan juga

taraf ekonomi keluarga mereka. Begitu juga dengan adanya tempat-tempat ibadat yang membolehkan mereka berjemaah, menunaikan ibadat, menuntut ilmu dan melakukan kegiatan-kegiatan yang menyuburkan rohani, akan turut membangunkan kemanusiaan mereka. Ini kerana pembangunan ekonomi tidak sekadar diukur dari pembangunan bersifat fizikal, malah pembangunan insan juga merupakan sebahagian daripada keperluan dalam pembangunan ekonomi.

RUJUKAN

- Ab Razak Dan (2004), “Kajian Ekonomi Pembangunan”, dalam Nor Aini Haji Idris & Ab Razak Dan (eds.), *Teori Pertumbuhan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Halim Ramli Dan Kamarulzaman Sulaiman (2006), “Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-Negara Islam” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
- Adelman, I., *Fifty Years of Economic Development: What Have We Learned?*.
- Ahmad Zaki Hj Abd Latiff, Che Zuina Ismail & Norzaidi Mohd Daud (2006), “Pengurusan Harta Wakaf Dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam Di Malaysia” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
- Buletin JPPM (2008), Bil. 2/08, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
- Chapra, Mohamad Omar (2001), *What Is Islamic Economics?*. Saudi Arabia: Islamic Development Bank.
- Chapra, Muhammad Umer (1993), *Islam and Economic Development*. Pakistan: The International Institute of Islamic Thought and Islamic Research Institute.
- Cizakca, Murat (1995), “Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823,” *Journal of the Economic and Social History of the Orient*. Leiden: E.J.Brill, v.38, part 3 (August 1995).
- Dusūqī, Syams al-Dīn al-Syakh Muḥammad ‘Arfah al- (1980), *Hasyiyah al-Dusūqī ‘alā Syarḥ al-Kabīr*, j. 4. Qāherah: Dār Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah.

- http://74.125.153.132/search?q=cache:yp3ahFVPrc8J:202.75.54.218/~jcorp/Publication/File/kenyataan_media.pdf+klinik+waqaf+an+nur+negeri+sembilan&cd=7&hl=en&ct=clnk&gl=my, 20 Ogos 2009.
- http://lib.ipislam.edu.my/text/wakaf_permaidani.htm, 20 Ogos 2009.
- http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=424814, akses 20 Ogos 2009.
- <http://www.islamic-relief.com/Waqf/default.aspx?depID=17>, 20 Ogos 2009.
- <http://www.jcorp.com.my/waqafannur/page.htm>, 20 Ogos 2009.
- <http://www.mainpp.gov.my/artikel/projekmainpp.htm>, 20 Ogos 2009.
- <http://www.mais.gov.my/e-pemasaran/wakaf/projek-wakaf.asp>, 20 Ogos 2009.
- http://www.maiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=374:maiwp-dapat-anugerah-pembangunan-hartanah-wakaf-terbaik&catid=13:berita-maiwp&Itemid=28, 18 Ogos 2009.
- <http://www.muis.gov.sg/cms/uploadedFiles/MuisGovSG/Wakaf/Wakaf%20jadi%20aset%20terbesar%20Muis.pdf>
- <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunai-malaysia/>, 20 Ogos 2009.
- Huq, Ataul (1993), *Development and Distribution in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn (1994), *Rad al-Mukhtār ‘Alā al-Durr al-Mukhtār*, jil. 6. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Ḥajar Al-‘Asqalani (2001), *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, jil. 5, Kitāb al-Syurūt, Bāb al-Syurūt fī al-Waqf, hadith no. 2737; Kitāb al-Waṣayā, Bāb al-Waqf Kaifa Yaktub, hadith no. 2772.
- Ibn Manzūr, Muḥammad Ibn Mukarram (1990), *Lisān al-‘Arab*, j. 9. Beirut: Dār Ṣādr.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1972), *Al-Mughnī*, j.6, c.4. Beirut: Dār Al-Kutub al-‘Arabī.
- Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1997), *Al-Mughnī*, jil. 8. Riyāḍ: Dār ‘Ālam al-Kutub.

- Iqbal, Munawar (1991), “Financing Economic Development”, dalam Sadeq, AbulHasan Muhammad *et al.* (eds.), *Development and Finance in Islam*. Petaling Jaya: International Islamic University Press.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2008), *Laporan Tahunan JAWHAR 2007*. Malaysia: JAWHAR.
- Khaṭīb al-Syarbinī al- (1997), *Mughnī al-Muhtāj*, jil. 2. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad, *Laporan Tahunan 2007*.
- Layish, A. (2008), “Waqf of Awlad al-Nas in Aleppo in the Late Mamluk Period as Reflected in a Family Archive”, *Journal of the Economic and Social History of the Orient*, 51, 287-326.
- Majlis Agama Islam Johor, <http://www.maij.gov.my/wakaf/swj.htm>, 2 Jun 2009, <http://www.maij.gov.my/utama.htm>, 18 Ogos 2009.
- Majlis Agama Islam Kedah, <http://www.maik.gov.my/bhg.htm>, 30 Mei 2009.
- Majlis Agama Islam Negeri Perak, http://www.maiamp.gov.my/maiamp/maipk/index.php?option=com_content&view=article&id=163&Itemid=180, 30 Mei 2009.
- Majlis Agama Islam Selangor, “Laporan Tahunan 2006”, http://202.75.48.108/~portalma/index.php?option=com_docman&Itemid=23, 2 Jun 2009.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, http://www.muip.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=83&Itemid=80, 30 Mei 2009.
- Mohd Fauzi Mustaffa (2006), “Peranan Takaful dalam Penjanaan Wakaf Tunai Sebagai Produk Baru Wakaf” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
- Nawāwī, Abū Zakariyyā Yaḥya bin Syarḥ al- (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawāwī*, j. 11, jil. VI, Kitāb al Wasiyyah, Bāb Mā Yulhaqu al Insān min al Thawāb Ba’da Wafātih, hadith no. 4199. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Nawawī, Muḥyi al-Dīn al- (t.t.), *al-Majmū‘*, jil. 16. Jeddah: Maktabah al-Irsyād.

- Nooh Gadot (2006), “Amalan Saham Wakaf Johor” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)
- Osman Sabran (2002), *Pengurusan Harta Wakaf*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Pejabat Audit Negara Malaysia, *Laporan Ketua Audit Negara Negeri Melaka Tahun 2002*.
- Rahmah Ismail (2003), “Pendidikan dan Pembangunan”, dalam Rahmah Ismail (ed.), *Ekonomi Pembangunan Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahmah Ismail (2003), “Sumber Manusia dan Pembangunan: Satu Sorotan”, dalam Rahmah Ismail (ed.), *Ekonomi Pembangunan Isu Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sadeq, AbulHasan Muhammad (1990), *Economic Development in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M), Sdn. Bhd.
- Sadeq, AbulHasan Muhammad (2002), “Waqf, Perpetual Charity and Poverty Alleviation”, *International Journal of Social Economics*, Vol. 29, No.1/2, 135-151.
- Sahnun, ‘AbdAl-Salām bin Sa‘īd bin Ḥabīb al-Tanukhi (1994), *al-Mudawwanah al-Kubrā*. Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Sarakhsī al- (t.t.), *al-Mabsūt*, jil. 12. Lubnān: Dār al-Ma`rifah.
- Shamsiah Abdul Karim (2006), “Pengalaman Majlis Agama Islam Singapura Dalam Pengurusan Harta Wakaf” (Kertas Kerja Konvensyen Wakaf 2006 di Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006).
- Siti Mashitoh Mahamod (2007), “Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia,” *Jurnal Syariah*, jil. 15, bil. 2, 61-83.
- Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Ab Rahman, Azizi Che Seman, Suhaili Sarif dan Nor Aini Ali (2009), “Konsep Dan Aplikasi Produk Wakaf Kontemporer Di Malaysia: Saham Wakaf Dan Wakaf Saham” (Kertas Kerja Seminar Ekonomi Islam Peringkat Kebangsaan 2009 di Balai Ilmu, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 10 dan 11 Februari 2009).
- Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī al-(t.t.), *Nayl al-Awṭār*, jil. 6. Qāherah: Maktabah wa Maṭba`ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihi.

Temu bual bersama Encik Saifudin Gahnehaman, Eksekutif, Jabatan Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

The World Bank (1990), *World Development Report 1990*. Oxford: Oxford University Press for The World Bank.

Todaro, M.P. & Smith, S.C. (2009), *Economic Development*. England: Pearson Education Limited.

United Nations Development Programme (UNDP) (1990), *Human Development Report 1990*. Oxford: Oxford University Press.

Yayasan Waqaf Malaysia, <http://www.ywm.org.my/index.php/wakaf-tunai-malaysia/>, 20 Mac 2009.

